

Nilai-nilai masyarakat sekarang merosot: TPM

Bahar asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kecewa kerana nilai masyarakat sekarang merosot walaupun kesedaran agama bertambah.

Kesedaran pada keagamaan memang baik, katanya, tapi bila "trend" ini berlaku dalam masyarakat, ada pula orang menggunakannya untuk tujuan lain atau dirinya sendiri sehingga timbul nilai yang tidak baik.

Bellau, yang merasmikan kursus kepimpinan Persatuan Mahasiswa Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PERSIAP) petang ini, berpendapat tanda-tanda nilai masyarakat merosot berlaku, umpamanya tatkala lafaz "terima kasih" diketepikan.

Selain itu ada yang mengatakan bahawa mereka tak payah berterima kasih kepada kedua ibu bapa kerana kelahiran mereka itu tidak kena mengena dengan kedua ibu bapa, tapi adalah dari Tuhan.

Terdapat juga yang mengatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak berasaskan agama. Datuk Seri Mahathir menisfatkannya orang yang tidak berterima ka-

Oleh MOHD NOH SENAN

sih dan tidak tahu bersyukur dan jika keadaan ini berkekalan, maka akibatnya sangat buruk.

Mengenai kursus kepimpinan, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan bakal-bakal doktor yang mereka tidak dapat tidak akan

menjadi pemimpin dan menjadi perhatian masyarakat.

Bellau bimbang jika kursus ini tersilap langkah dan terseleweng dari matlamatnya, maka bakal pemimpin ini akan menjadi pemimpin yang tidak baik dan tidak cekap.

Jangan naikkan harga, kata Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan kalangan perniagaan jangan menaikkan harga kerana tidak ada sebab mereka boleh berbuat demikian berikutan kenaikan kadar bayaran elektrik.

"Kerajaan mempunyai cara lain bagi menghalang keinginan mereka hendak menaikkan harga dan mereka akan rugi jika berbuat demikian," katanya.

Demikian bellau menyatakan ketika diminta mengulas ura-ura pihak pengusaha hotel, pawagam, pengusaha

bas dan lain-lain yang ingin menaikkan harga berikutan kenaikan bayaran elektrik Lembaga Letrik Negara baru-baru ini.

Bellau tidak mengerti mengapa kalangan perniagaan mesti menaikkan harga. Sebarang kenaikan harga, tambahannya, hendaklah berasaskan gambaran menyeluruh dengan mengambil perhitungan berbagai faktor seperti buruh.

Mereka ini, katanya, sering menaikkan harga dan hanya menjadikan kenaikan kadar elektrik alasan untuk mendapat keuntungan.

2195

371/82